

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mempertimbangkan penempatan Jururawat Gred U29 dan Penolong Pegawai Perubatan U29 di institusi-institusi seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat disebabkan kini berlakunya pertambahan penghuni yang berisiko membawa wabak merbahaya contohnya di Rumah Kanak-Kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diperuntukkan sebanyak **24 jawatan kader Jururawat Gred U29** dan **enam (6) jawatan Penolong Pegawai Perubatan Gred U29**. Sehingga 28 Oktober 2020, terdapat satu (1) kekosongan jawatan Jururawat Gred U29 di institusi JKMs.

Daripada keseluruhan 24 jawatan kader Jururawat Gred U29 di Institusi Kebajikan JKMs:

- i. Empat (4) jawatan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi, Selangor;
- ii. Empat (4) jawatan di Rumah Ehsan Dungun, Terengganu;
- iii. Tiga (3) jawatan di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Selangor;
- iv. Dua (2) jawatan di Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu, Selangor;
- v. Dua (2) jawatan di Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor;
- vi. Dua (2) jawatan di Taman Sinar Harapan Jubli, Johor;
- vii. Satu (1) jawatan di Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah, Seremban, Negeri Sembilan;
- viii. Satu (1) jawatan di Taman Sinar Harapan Bukit Besar, Terengganu;
- ix. Satu (1) jawatan di Taman Sinar Harapan Jitra, Kedah;
- x. Satu (1) jawatan di Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor;
- xi. Satu (1) jawatan di Desa Bina Diri Mersing, Johor;
- xii. Satu (1) jawatan di Desa Bina Diri Jerantut, Pahang; dan
- xiii. Satu (1) jawatan di Rumah Seri Kenangan Kangar, Perlis.

Manakala daripada keseluruhan enam (6) jawatan kader Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 di Institusi Kebajikan JKMs:

- i. Satu (1) jawatan di Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah;
- ii. Satu (1) jawatan di Rumah Seri Kenangan Taiping, Perak;
- iii. Satu (1) jawatan di Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta, Perak;
- iv. Satu (1) jawatan di Rumah Seri Kenangan Seremban;
- v. Satu (1) jawatan di Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor; dan
- vi. Satu (1) jawatan di Rumah Seri Kenangan Kemumin, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengisian jawatan-jawatan kader bagi skim perkhidmatan perubatan di JKM adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan (KKM). Sehingga kini, KKM telah menempatkan seramai 23 orang Jururawat Gred U29 dengan peratusan pengisian sebanyak 96%.

Selain itu, terdapat juga jawatan kader Jururawat Masyarakat Gred U19 dan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 di Institusi Kebajikan JKM iaitu:

- i. 19 jawatan Jururawat Masyarakat dan 192 jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan di **Institusi Kebajikan Kanak-Kanak**;
- ii. 48 jawatan Jururawat Masyarakat dan 524 jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan di **Institusi Kebajikan Warga Emas**; serta
- iii. 12 jawatan Jururawat Masyarakat dan 289 jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan di **Institusi Kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU)**.

Cadangan pewujudan atau pertambahan jawatan kader Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan di Institusi JKM telah diambil kira dalam cadangan penstrukturan semula JKM yang sedang dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMPUT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini Kementerian dalam usaha mempertingkatkan hak kanak-kanak iaitu dengan mewujudkan agensi khas bagi mengawal selia semua institusi pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak, mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) dan penambahan pegawai pelindung kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha ke arah penubuhan satu agensi tunggal bagi memantapkan tadbir urus industri asuhan dan didikan awal kanak-kanak adalah ditangani menerusi Jawatankuasa Khas Mengawal Selia Secara Bersepadu Penubuhan dan Operasi Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan. Melihat kepada isu dan hala tuju pelaksanaan penubuhan agensi tunggal ini, perkara ini masih dalam proses perancangan dan memerlukan lebih banyak sesi konsultasi antara agensi yang terlibat.

Untuk makluman, fungsi berkaitan kanak-kanak pada masa ini dilaksanakan oleh Bahagian Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang meliputi fungsi perlindungan, perkembangan awal kanak-kanak dan pemerkasaan potensi kanak-kanak.

Selaras dengan usaha Kementerian untuk mempertingkatkan sistem penyampaian fungsi kanak-kanak secara berterusan yang dilaksanakan oleh Bahagian Kanak-Kanak, JKM, urusan pemantapan dan pengukuhan perjawatan di Bahagian Kanak-Kanak, JKM telah dilaksanakan dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia melalui penambahan lapan (8) jawatan pelbagai gred secara pindah butir di Bahagian Kanak-Kanak, JKM berkuat kuasa mulai 1 Mac 2020.

Pada masa yang sama, urusan pengukuhan dan pemantapan struktur organisasi JKM yang sedang dilaksanakan pada masa kini turut memberi fokus kepada pertambahan jawatan di peringkat negeri, daerah termasuk Institusi di bawah JKM termasuk pelantikan secara kontrak (*Contract of Service*) di bawah OS29000 bagi 751 jawatan Pelindung dan 371 jawatan Pegawai Akhlak di JKM yang akan dilihat bersekali dengan cadangan pengukuhan dan pemantapan struktur organisasi JKM secara keseluruhan. Sehingga kini, terdapat 426 orang Pelindung dan Pegawai Akhlak di JKM dan penambahan jawatan secara lantikan kontrak ini akan dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh lima (5) tahun bermula pada 2021 hingga 2025.

SOALAN NO. : 17

Usaha ini adalah selaras dengan dasar sedia ada oleh pihak Kerajaan iaitu sebarang cadangan pertambahan jawatan hendaklah mengambil kira aspek penjimatan perbelanjaan Kerajaan dan pengawalan saiz perkhidmatan awam melalui kaedah pengagihan semula (*redeployment*) atau tukar ganti (*trade-off*) jawatan sedia ada bagi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status janji beliau pada 30 Ogos di Sandakan, untuk menaikkan bantuan kebajikan kepada golongan B40 daripada RM200-300 sebulan kepada RM1,000 sebulan, bilakah akan dilaksanakan, nyatakan bilangan penerima dan kos terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan.

Menerusi pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6 November 2020, sebanyak lima (5) skim bantuan kewangan persekutuan bagi menjaga kebajikan golongan rentan terutamanya golongan warga emas, pesakit kronik dan Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga keluarga miskin terutama golongan keluarga dari kumpulan B40 akan dinaikkan seperti berikut:

1. Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan seorang;
2. Kadar Bantuan Orang Tua (BOT) dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang;
3. Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang;
4. Kadar bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 sebulan seorang; dan
5. Kadar Bantuan Kanak-Kanak (BKK) untuk keluarga miskin dinaikkan daripada RM100 bagi seorang anak dengan maksimum RM450 kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun dan RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga.

Tuan Yang di-Pertua,

Kenaikan kadar bantuan ini akan bermula pada bulan Januari 2021 dan akan memberi manfaat kepada lebih 400,000 penerima bantuan. Kenaikan kadar ini turut melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion iaitu tambahan peruntukan sebanyak RM700 juta.

Konsep pelaksanaan kenaikan kadar bantuan JKM ini adalah lebih memberi fokus kepada keperluan isi rumah dan merujuk kepada penggabungan bantuan mengikut keperluan sesebuah isi rumah yang mempunyai pelbagai kategori seperti Warga Emas, Orang Kurang Upaya, ibu tunggal yang mempunyai anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun serta pesakit kronik terlantar. Sekiranya sesebuah isi rumah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan, jumlah bantuan yang diterima oleh isi rumah berkenaan adalah melebihi RM1,000.00 sebulan. Contohnya sekiranya dalam sesebuah isi rumah itu terdapat seorang Warga Emas, seorang OKU yang tidak bekerja dan ibu tunggal yang mempunyai 4 orang anak yang berumur bawah 18 tahun serta seorang pesakit kronik terlantar, jumlah bantuan yang diterima adalah antara RM1,900 sebulan.